

CABARAN PENJAJA KECIL WANITA DALAM ERA PANDEMIK COVID- 19 DI PERLIS

Nurul Yasmin Nazri
Fakulti Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Email:yasminnazri14@gmail.com

Nazri Halim
Jabatan Ilmu Pendidikan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra Kedah Darulaman
Email: dr_nazrihalim@ipgkda.edu.my

ABSTRAK

Penglibatan wanita dalam perniagaan sangat sinonim kerana mereka lebih agresif dari lelaki dalam perniagaan dan keusahawanan mereka (Faridah, 2000). Penjaja wanita mempunyai motivasi untuk membangunkan perniagaan kecil mereka sendiri walaupun berbagai cabaran melanda (McKay,2001; Norsidah Ahmad et.al.,2004). Namun norma perniagaan konvensional kini berubah secara drastik dengan tercetusnya pandemik Covid -19 yang tidak pernah dialami sebelum ini. Justeru kajian ini mengkaji cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik Covid- 19 di Perlis. Responden kajian terdiri daripada 200 penjaja kecil wanita sekitar pekan kecil di Perlis. Kajian kuantitatif ini memperolehi data responden menggunakan soal selidik skala Likert lima mata untuk mengukur Dimensi Penglibatan Wanita Dalam Perniagaan Penjaja Kecil dan Dimensi Rintangan Dalam Perniagaan Penjaja Kecil. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan bahawa Dimensi Penglibatan Wanita Dalam Perniagaan Penjaja Kecil berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi iaitu daripada skor min 3.08 hingga 4.01. Manakala Dimensi Rintangan Dalam Perniagaan Penjaja Kecil berada pada tahap 3.06 hingga 3.34 (Nunnally & Bernstein, 1994). Secara spesifik, dapatan menunjukkan bahawa faktor ahli keluarga merupakan penyebab utama wanita menceburi bidang perniagaan (Min=4.01, SP=0.62) serta faktor ingin menikmati keselesaan hidup (Min=3.96, SP=0.65). Manakala, cabaran utama yang dihadapi mereka ialah faktor kurang pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital (Min=3.341, SP=0.68) dan faktor masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan semasa pandemik. (Min=3.31, SP=0.67). Penglibatan wanita sebagai penjaja kecil dipengaruhi oleh faktor sokongan keluarga yang menyebabkan mereka begitu bermotivasi dalam penjajaan kecil. Mereka didapati terkesan dalam perniagaan kerana tidak mempunyai pengetahuan mencukupi tentang penggunaan gajet dan teknologi digital dalam usaha mereka memasarkan barangan jualan dalam era pandemik ini.

Kata kunci: penjaja kecil wanita, penglibatan, cabaran, pandemik Covid-19.

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan kepada cabaran penjaja kecil wanita di Perlis dalam era pandemik Covid-19. Mereka merupakan golongan yang banyak menjadi penjaja kecil di negeri ini. (Majlis Perbandaran Kangar, 2019). Hal ini kerana peranan dan penglibatan kaum wanita dalam bidang perniagaan kecil sangat relevan terhadap peningkatan ekonomi keluarga secara khususnya dan juga kepada perkembangan ekonomi negara. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hanim Awang & Wan Ibrahim Wan Ahmad (2014) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara penyertaan wanita dalam sektor ini dengan 51.1 peratus wanita terlibat sebagai usahawan dan peniaga kecil di seluruh negara. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa peranan mereka dalam sektor ekonomi setara dengan kaum lelaki dalam bidang perniagaan dan penjajaan kecil ini. Hal ini menunjukkan bahawa kajian terhadap golongan penjaja wanita ini perlu dilakukan kerana sumbangan mereka terhadap ekonomi setempat dan negeri sangatlah relevan dan penting untuk difahami dengan baik supaya perancangan yang baik dan strategik boleh dilakukan untuk mengupayakan mereka dalam kegiatan ekonomi ini berterusan kelak.

Penglibatan wanita dalam bidang penjajaan kecil menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di negara ini. Malah, mereka di lihat lebih agresif dari lelaki dari segi fikiran keusahawanan, perasaan dan tindakan dalam perniagaan kecil mereka (Faridah, 2000). Hal ini dijelaskan lagi oleh McKay (2001) dan Norsidah Ahmad et.al., (2006) yang menunjukkan bahawa penjaja wanita mempunyai motivasi tinggi untuk membangunkan perniagaan kecil mereka sendiri. Secara tidak langsung, penjaja kecil wanita telah membantu dalam pembangunan ekonomi negara (Cesaroni, Demartini dan Paoloni et al., 2017). Justeru itu, kepentingan mereka tidak dapat disangkal lagi terutamanya apabila merujuk masyarakat luar bandar di Perlis dalam membantu meningkatkan ekonomi keluarga. Hal ini turut memberikan satu kepuasan dan menarik minat wanita untuk terus menceburi bidang ini kerana hasil keuntungan yang diperolehi dari perniagaan kecil tersebut membolehkan mereka berbelanja atau memperolehi apa yang dikehendaki tanpa bergantung kepada suami atau keluarga (Sharifah Faigah Syed Alwi et al., 2005).

Walau bagaimanapun, semenjak berlakunya pandemik Covid-19 serta pengenalan perintah kawalan pergerakan kali pertama pada Mac 2020 telah menyebabkan aktiviti penjajaan kecil wanita terbatas dan terus terhenti begitu sahaja akibat faktor jangkitan wabak yang begitu serius. Semua institusi tidak penting dan perniagaan bukan *essential* ditutup bagi memutuskan rantaian penularan wabak. Oleh itu, semua aktiviti jualan tidak dapat diteruskan untuk satu jangka masa yang lama. Pembukaan secara berfasa aktiviti perniagaan kecil selepas begitu lama semasa PKP telah memberikan sinar harapan kepada penjaja kecil yang terjejas. Mereka dibenarkan berniaga semasa fasa PKPB dan PKPP serta pengenalan Plan Pemulihan Negara (PPN) yang berfasa 1,2,3 dan 4 berdasarkan nilai ambang mengikut kes yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM,2021).

Pembukaan semula sektor perniagaan kecil ini telah menyebabkan kerisauan golongan penjaja wanita untuk membabitkan diri semula secara aktif seperti dahulu dalam aktiviti perniagaan kecil kerana khuatir penularan semula COVID-19 yang mampu menambahkan lagi bebanan kesihatan, kewangan dan sosial yang sedia ada. Perkara ini berkemungkinan boleh menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dan kegagalan dalam perniagaan kecil ini. Menurut Nurulhayah dan Muhammad Hafizuddin (2016) penjaja kecil wanita berkemungkinan gagal dalam perniagaan kerana tidak mempunyai keyakinan diri serta terlalu mengambil sikap berhati-hati dalam perniagaan. Mereka juga gagal menyelesaikan masalah serta tidak berani mengambil risiko perniagaan (Nadia Farhana Hamzah dan Norasmah Othman, 2020). Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa pandemik Covid-19 sebenarnya merupakan satu peristiwa yang tidak pernah dilalui oleh penjaja kecil wanita pada hari ini. Namun terpaksa ditempuhi juga oleh mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan cara perniagaan baharu yang perlu mengikut SOP yang bukan mudah dan menelan kos peralatan yang tinggi.

PERNYATAAN MASALAH

Penularan Covid-19 gelombang ketiga baru-baru ini telah mencetuskan fenomena yang tidak pernah dialami sebelum ini dalam dunia perniagaan kecil terutamanya bagi penjaja kecil wanita di luar bandar di Perlis. Hal ini menyebabkan penjaja kecil wanita menghadapi masalah ketidaktentuan ekonomi sejak awal tahun ini. Banyak penjaja kecil wanita terjejas teruk dan perniagaan makanan dan barangan keperluan harian mereka terkesan langsung dengan dugaan terbaru ini selepas dibenarkan menjalankan aktiviti harian mengikut SOP ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), PKPP dan Fasa 1,2 serta 3 yang bermula pada 4 Ogos 2021.

Krisis ekonomi dan sosial yang dihadapi kini berbeza dengan krisis yang pernah berlaku dahulu. Pertama, krisis sebelum ini berlaku kerana kemerosotan ekonomi, tetapi pada kali ini disebabkan faktor lain iaitu Covid-19 yang menyebabkan berlakunya perubahan dalam interaksi sosial dan kelesuan ekonomi semasa terutamanya di luar bandar di Perlis. Menurut Saifuzzaman Ibrahim (2020) dalam tempoh PKP pertama yang bermula pada bulan Mac 2020, banyak perniagaan kecil dan penjaja terkesan teruk akibat permintaan pelanggan yang merudum dan kesukaran mendapatkan bahan mentah perniagaan mereka. Hal ini juga memberi kesan negatif kepada golongan penjaja wanita kerana sebahagiannya terpaksa memberhentikan perniagaan sementara untuk pengurangan kos atau terpaksa menutup terus penjajaan yang dilakukan secara kecil-kecilan tersebut kerana ketiadaan modal pusingan.

Banyak laporan menunjukkan masalah ini menghantui golongan penjaja kecil di negara ini. Hal ini seperti terdapatnya penjaja yang terpaksa menutup perniagaan selama sebulan pada awal pelaksanaan PKP dan terus mengalami masalah kewangan kemudiannya (MyMetro, 31 Mei 2021). Kajian Blanco *et al.*, (1996) mendapati bahawa terdapat perasaan bimbang dan kurang yakin untuk memulakan semula perniagaan di dalam diri penjaja disebabkan oleh halangan dari sudut kewangan dan juga sosial. Kajian Nur Azlina Abd Ghani *et al.*, (2008) juga mendapati perkara yang sama, bahawa selain masalah modal memulakan semula perniagaan, penjaja kecil wanita juga menghadapi masalah sosial seperti halangan dari keluarga berupa kebimbangan pasangan, masalah anak-anak dan mertua atas sebab yang pelbagai.

Selain itu, mereka terpaksa menambahkan lagi modal perniagaan yang sudah sedikit dengan terpaksa lagi membeli penyukat suhu badan dan perlu memastikan segala prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi oleh pelanggan. Mereka juga berisiko di saman pihak berkuasa sekiranya tidak mematuhi (Faris Fuad, 2021). Hal ini secara tidak langsung, menambahkan lagi bebanan kewangan dan sosial dan emosi kepada penjaja wanita dalam meneruskan perniagaan kecil-kecilan mereka tersebut di era pandemik ini.

Di samping itu, perniagaan secara norma baharu juga berbeza dengan perniagaan sebelum ini dengan menuntut penjaja untuk menghantar barangan makanan dan keperluan runcit kepada pelanggan mereka sendiri. Hal ini juga menimbulkan kesukaran dan cabaran yang bukan sedikit kepada mereka. Antara cabaran yang dihadapi oleh mereka ialah jarak penghantaran adalah terhad kepada 10 Kilometer sahaja serta masa penghantaran makanan dan barangan juga dihadkan. Para penjaja akan ditangkap dan berkemungkinan besar di saman apabila lokasi pelanggan melebihi 10km dari rumah mereka (Rasidi *et al.*, 2021).

Justeru, itu, hal seperti ini menyebabkan penjaja kecil wanita terpaksa berhadapan dengan situasi kewangan yang sangat sukar dan mencabar. Hal ini bertepatan dengan Nozina Yahaya (2021) bahawa kira-kira 50 peratus rakyat negara ini kehilangan sumber pendapatan dan simpanan peribadi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan Mac tahun lalu yang turut melibatkan golongan penjaja kecil.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik Covid 19 di Perlis berdasarkan dimensi berikut:
 - i. penglibatan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil.
 - ii. rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik Covid 19 di Perlis berdasarkan dimensi berikut:
 - i. penglibatan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil?
 - ii. rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil?

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini memilih kaedah survey sebagai reka bentuk kajian. Pendekatan kuantitatif merupakan satu reka bentuk kajian yang lebih objektif dan tidak memerlukan masa yang panjang kerana data dikumpul dan dianalisis dengan cepat (Mills & Gay, 2019). Data daripada sampel di dalam kajian ini diperolehi dengan menggunakan instrumen soal selidik.

Persampelan

Data tentang populasi kajian didapati daripada Majlis Perbandaran Kangar, Perlis. Populasi kajian ini terdiri daripada 425 penjaja kecil wanita yang berlesen dan berdaftar sebagai penjaja kecil di sekitar pekan kecil di Perlis. Berdasarkan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970), dengan bilangan populasi sebanyak 425 penjaja kecil wanita, maka bilangan persampelan yang perlu dalam kajian adalah sebanyak 200 sampel. Pemilihan sampel bagi kaedah kuantitatif ini adalah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik diadaptasi daripada Soal Selidik Faktor Penglibatan Dan Cabaran Wanita Melayu Dalam Keusahawanan di Malaysia oleh Muhamad Amirul Rifqi Mohd Hamdan dan Mohammad Mujahed Hassan (2018). Soal selidik skala likert lima mata ini terdiri daripada 18 item tentang dimensi faktor penglibatan wanita dalam peniagaan penjajaan kecil dan 17 item tentang dimensi rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil. Kebolehpercayaan item soal selidik adalah tinggi iaitu 8.6 cronbach alpha (α).

Jadual 1
Nilai Cronbach Alpha (α) soal selidik penjaja wanita

Dimensi	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha (α)
Faktor penglibatan wanita dalam peniagaan penjajaan kecil	18	0.85
Rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil	17	0.84
Jumlah item	25	0.86

Prosedur Kajian

Soal selidik dalam bentuk *google form* telah ditadbir secara dalam talian kepada sampel kajian menggunakan aplikasi *whatsapp* dengan bantuan pembantu penyelidik terhadap responden terlibat.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik Covid 19 di Perlis berdasarkan dimensi berikut:
 - i. penglibatan wanita dalam peniagaan penjajaan kecil?
 - ii. rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil?

Interpretasi skor untuk menentukan kedudukan cabaran penjaja kecil wanita berdasarkan skor min adalah merujuk kepada jadual penetapan skor oleh Nunnally dan Bernstein (1994) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2
Interpretasi skor

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah (R)
2.01 – 3.00	Sederhana rendah (SR)
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi (ST)
4.01 – 5.00	Tinggi (T)

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

Faktor Demografi Responden

Jadual 3
Demografi Responden

Ciri-ciri	n	%	
Umur	20-30 tahun	23	11.5
	31-40 tahun	36	18
	41-50 tahun	87	43.5
	51-60 tahun	54	27
Pengalaman Berniaga	0-1 tahun	0	0
	2-3 tahun	4	2
	4-5 tahun	27	13.5
	6-7 tahun	59	29.5
	8-9 tahun	73	36.5

	10 tahun keatas	37	18.5
Akademik	Sekolah Rendah	20	10
	SRP/PMR	66	33
	SPM	104	52
	STPM	8	4
	Diploma	2	1
	Ijazah	0	0

Jadual 3 menunjukkan perbincangan demografi responden kajian ini. Responden kajian dominan terdiri daripada penjaja kecil wanita berumur lingkungan 41-50 tahun dengan 43.5% (87 orang) dan diikuti oleh lingkungan umur 51-60 tahun dengan 27% (54 orang), serta ketiga tertinggi iaitu lingkungan umur 31-40 tahun dengan 18% (36 orang).

Manakala dari segi pengalaman berniaga, didapati bahawa responden dengan pengalaman selama 8-9 tahun iaitu 36.5% (73 orang) dikuti dengan 6-7 tahun iaitu 29.5% (59 orang) dan 10 tahun keatas dengan 18.5% (37 orang).

Dari perpektif akademik, di dapati bahawa penjaja kecil wanita mempunyai kelayakan tertinggi dalam SPM dengan 52% (104 orang), diikuti dengan SRP/ PMR dengan 33% (66 orang) serta kelayakan sekolah rendah dengan 10% (20 orang).

Dimensi Penglibatan Wanita Dalam Peniagaan Penjajaan Kecil.

Jadual 4 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi dimensi penglibatan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil di negeri Perlis. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa kebanyakan item berada pada tahap sederhana tinggi dengan hanya item 9 sahaja dengan nilai min pada tahap tinggi.

Analisis perincian item menunjukkan bahawa item 9 iaitu ahli keluarga mendorong saya untuk menceburi bidang perniagaan (Min=4.01, SP=0.62) merupakan faktor utama penglibatan golongan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil di negeri Perlis. Di samping itu item 12 iaitu faktor ingin menikmati keselesaan hidup merupakan faktor kedua tertinggi penyebab penglibatan wanita dalam penjajaan (Min=3.96, SP=0.65).

Manakala, item ketiga tertinggi ialah item 4 iaitu faktor ingin membantu menyara keluarga (Min=3.84, SP=0.63) dan faktor keempat tertinggi ialah item 15 iaitu faktor desakan hidup menyebabkan saya menceburi bidang perniagaan (Min=3.78, SP=0.65). Manakala, faktor-faktor lain seperti akibat kehilangan pekerjaan, tidak suka bekerja makan gaji dan lain-lain faktor bukanlah merupakan faktor utama yang menyebabkan penglibatan wanita dalam penjajaan kecil di Perlis.

Jadual 4
Dapatan deskriptif dimensi penglibatan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil.

Bil	Item	Min	SP	Tahap
1	Ingin mencapai cita-cita sebagai seorang usahawan.	3.65	.63	ST
2	Ingin mendapatkan kepuasan kerja.	3.60	.63	ST
3	Ingin mendapatkan tabungan yang tinggi.	3.60	.63	ST
4	Membantu menyara keluarga.	3.84	.63	ST
5	Memperolehi peluang untuk berniaga.	3.65	.59	ST
6	Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang perniagaan yang diceburi.	3.71	.67	ST
7	Sanggup menghadapi risiko dalam perniagaan.	3.13	.63	ST
8	Rangsangan daripada kejayaan orang lain.	3.29	.66	ST
9	Ahli keluarga mendorong saya untuk menceburi bidang perniagaan	4.01	.62	T
10	Tidak suka bekerja makan gaji.	3.11	.63	ST
11	Mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan yang diceburi.	3.60	.60	ST
12	Ingin menikmati keselesaan hidup.	3.96	.65	ST
13	Dasar kerajaan yang memberikan bantuan kepada usahawan bumiputera.	3.12	.74	ST
14	Ingin berdikari.	3.12	.67	ST
15	Desakan hidup menyebabkan saya menceburi bidang perniagaan.	3.78	.65	ST
16	Tidak berpuashati dengan pekerjaan dahulu.	3.17	.61	ST
17	Mengambil alih perniagaan keluarga.	3.37	.65	ST
18	Kehilangan pekerjaan.	3.08	.75	ST

Dimensi Rintangan Dalam Perniagaan Penjajaan Kecil

Jadual 5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi dimensi Rintangan Dalam Perniagaan Penjajaan Kecil di negeri Perlis. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa keseluruhan item berada pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.06 dan min=3.34).

Analisis perincian item menunjukkan bahawa item 14 iaitu kurang pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital (Min=3.34, SP=0.68) merupakan faktor utama rintangan yang dihadapi oleh golongan wanita dalam perniagaan penjajaan kecil di negeri Perlis semasa pandermik Covid 19. Di samping itu item 2 iaitu kekurangan sumber modal (Min=3.31, SP=0.72) dan item 9 iaitu faktor

masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan merupakan faktor kedua tertinggi rintangan penglibatan wanita dalam penjajaan (Min=3.31, SP=0.67).

Manakala, faktor ketiga tertinggi ialah dua item iaitu item 4 dan item 8 dengan item 4 iaitu faktor kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti pemasaran semasa pandemik (Min=3.28, SP=0.69) dan item 8 iaitu faktor masalah mendapatkan kredit daripada pembekal (Min=3.28, SP=0.72).

Faktor keempat tertinggi pula ialah item 3 iaitu faktor pengetahuan teknikal yang kurang (Min=3.25, SP=0.72). Manakala, faktor-faktor lain seperti masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan, kurang pengetahuan dalam menjalinkan dan berkomunikasi secara berkesan dengan pelanggan, kekurangan tenaga buruh atau pembantu serta lain-lain faktor bukanlah merupakan faktor utama yang menjadi rintangan kepada wanita dalam penjajaan kecil di Perlis semasa pandemik Covid 19.

Jadual 5
Dapatan deskriptif dimensi rintangan dalam perniagaan penjajaan kecil.

Bil	Item	Min	SP	Tahap
1	Persaingan yang kian mencabar dan mendesak usahawan	3.13	.59	ST
2	Kekurangan sumber modal.	3.31	.72	ST
3	Pengetahuan teknikal yang kurang.	3.25	.72	ST
4	Kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti pemasaran semasa pandemik.	3.28	.69	ST
5	Strategi pemasaran yang kurang berkesan.	3.09	.70	ST
6	Mendapatkan bekalan dengan harga yang rendah / berpatutan.	3.15	.69	ST
7	Kurang mahir dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi.	3.12	.64	ST
8	Masalah mendapatkan kredit daripada pembekal.	3.28	.72	ST
9	Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan.	3.31	.67	ST
10	Masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan.	3.06	.73	ST
11	Kekurangan tenaga buruh / pembantu.	3.08	.68	ST
12	Kurang pengetahuan dalam menjalinkan dan berkomunikasi secara berkesan dengan pelanggan.	3.07	.62	ST
13	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta.	3.23	.69	ST
14	Kurang pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital	3.34	.68	ST
15	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan.	3.10	.65	ST
16	Kekurangan pengetahuan dalam bidang perniagaan	3.09	.73	ST
17	Masalah hubungan dengan pembekal	3.17	.61	ST

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini telah menyokong tujuan utama kajian ini dilaksanakan iaitu mengkaji cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik di Perlis. Kupasan perbincangan lanjut tentang cabaran penjaja kecil wanita akan dibuat mengikut dimensi seperti berikut:

Berdasarkan Dimensi Penglibatan Wanita Dalam Peniagaan Penjajaan Kecil. Kajian ini mendapati bahawa faktor utama penglibatan golongan wanita adalah kerana mereka mendapat sokongan padu keluarga dalam dalam penjajaan kecil. Justeru, hal ini menerangkan bahawa faktor sokongan keluarga merupakan pencetus dorongan dan menjadi inspirasi utama kepada wanita untuk berusaha gigih dalam pekerjaan mereka. Dapatan kajian ini didapati selari dengan Cardella et al.,(2020); Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob (2021); Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi (2021) bahawa sokongan keluarga memberikan dorongan motivasi yang baik serta merupakan hal terpenting yang mendorong penglibatan usahawan wanita untuk terus cecal dalam bidang keusahawanan dan perniagaan yang diceburi walaupun mengalami banyak kesulitan.

Di samping itu, faktor ingin menikmati keselesaan hidup merupakan faktor kedua tertinggi yang menjadi pendorong golongan wanita menceburi bidang penjajaan kecil. Dapatan Kajian ini selari dengan dapatan Muhamad Amirul Rifqi Mohd Hamdan & Mohammad Mujaheed Hassan (2018); Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi (2021) bahawa faktor mencari keselesaan hidup, kesenangan serta keperluan kewangan merupakan penggerak penting penglibatan kaum wanita dalam perniagaan yang diceburi mereka.

Hasil kajian turut menunjukkan bahawa faktor ketiga tertinggi iaitu membantu menyara keluarga dalam aspek kewangan merupakan penyebab penting golongan penjaja wanita melibatkan diri dalam penjajaan ini. Hal ini kerana keperluan kehidupan dari segi pengurusan ekonomi rumahtangga memerlukan komitmen kewangan yang tinggi dan berterusan. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Azmi et al.,(2012) dan Amirul Rifqi Mohd Hamdan & Mohammad Mujaheed Hassan (2018) bahawa keinginan mendapatkan imbalan kewangan serta untuk membantu menyara keluarga merupakan faktor penting penglibatan aktif wanita dalam perniagaan. Hal ini kerana wanita menjadi tonggak penting membantu menambahkan pendapatan keluarga dalam mengharungi kehidupan pada masa kini yang mencabar dan rencam.

Tidak ketinggalan juga, faktor keempat penting penglibatan wanita dalam penjajaan kecil ialah kerana desakan hidup berupa kemiskinan yang dihadapi menyebabkan mereka menceburi bidang perniagaan. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Kader, et al., (2009); Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi (2021) yang mendapati bahawa faktor desakan hidup dan keperluan untuk

membebaskan diri dari kemiskinan keluarga merupakan antara penyebab utama usahawan kecil luar bandar melibatkan diri dalam perniagaan menerusi satu daerah satu industri di Malaysia.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa faktor-faktor tersebut jelas memberikan suntikan dorongan yang mempengaruhi penglibatan penjaja kecil wanita dalam penjajaan. Hal ini kerana penglibatan mereka lebih dipengaruhi oleh faktor motivasi ekstrinsik yang pelbagai seperti sokongan keluarga, ingin menikmati keselesaan hidup, akibat desakan hidup dan ingin membantu keluarga merupakan alasan yang menjadi motif pendorong kepada penjaja kecil wanita terus cekal melibatkan diri dalam perniagaan ini walaupun dalam suasana yang tidak menentu akibat pandemik Covid 19.

Disamping itu juga berdasarkan Dimensi Rintangan Dalam Perniagaan Penjajaan Kecil, Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor utama yang mendasari persoalan dan cabaran wanita melibatkan diri dalam penjajaan semasa era pandemik Covid 19 di Malaysia ialah faktor kurang pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital. Hal ini kerana pandemik Covid 19 merupakan satu situasi baharu yang tidak pernah dialami sebelum ini di seluruh dunia. Justeru, penjaja tidak mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk membantu mereka menjalankan perniagaan secara norma baharu dalam talian (*online*) dan dalam norma perniagaan baharu. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Reezal Abdul Latif (2020) bahawa penggunaan teknologi digital seperti aplikasi grabfood, foodpanda dan pemasaran menerusi facebook, whatsapp serta pelbagai platform digital mudah alih dapat membantu peniaga untuk merekodkan setiap langkah perniagaan yang dilakukan dengan lebih cekap dan tepat. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa teknologi digital dapat membantu menambahbaik perniagaan penjajaan dan menghasilkan keuntungan yang lebih baik bagi mereka.

Di samping itu dapatan ini selari dengan kajian Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim & Husna Ahmad Dimiyati (2019) penggunaan teknologi digital seperti internet penting kepada penjaja kecil sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat barangan jualan serta menjadi sumber pengiklanan produk dan cara berkomunikasi dengan pelanggan di zaman ini. Justeru, daripada dapatan kajian dilihat bahawa penyertaan digital ini adalah penting bagi penjaja kecil wanita dalam memajukan lagi perniagaan mereka. Di samping itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyarankan penjaja kecil wanita tidak sepatutnya terlalu bergantung kepada perniagaan secara konvensional dan perlu mengutamakan penggunaan teknologi bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka di era pandemik ini (MEDAC, 7 Mac 2021). Justeru, penjaja kecil wanita perlu memantapkan diri dengan menghadiri kursus dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam aspek tersebut dengan segera. Hal ini kerana, terdapat banyak pihak yang menganjurkan kursus yang dapat diikuti oleh mereka seperti *Women Netpreneur* iaitu bengkel khusus bagi membantu dan menggalakkan golongan wanita untuk menjalankan perniagaan dalam talian. Seramai 1,592 (dari 2017 hingga 2019) wanita telah mendapat manfaat daripada bengkel tersebut. (MEDAC, 24 Ogos 2020).

Dapatan juga turut menunjukkan bahawa faktor kedua tertinggi iaitu masalah kekurangan modal serta mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan. Dapatan ini selari dengan Nur Azlina Abd Ghani et al., (2008) dan Blanco et al., (1996) bahawa golongan penjaja kecil wanita bersikap kurang yakin untuk memulakan semula perniagaan kerana menghadapi masalah dari mendapatkan sumber kewangan bagi meneruskan perniagaan mereka. Walaupun terdapat skim pembiayaan yang ditawarkan kerajaan, namun penjaja wanita kurang yakin dan tidak pasti tentang dana-nana kewangan yang ditubuhkan khusus untuk membantu mereka seperti Skim Pembiayaan Khas Wanita (DanaNITA) yang ditubuhkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) bertujuan membantu mereka mengembangkan lagi penjajaan kecil serta menambah pendapatan keluarga.

Manakala faktor ketiga tertinggi seperti kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti pemasaran semasa pandemik merupakan faktor ketiga tertinggi rintangan penglibatan wanita dalam penjajaan. Perkara ini turut dinyatakan sebagai faktor cabaran faktor luaran oleh Nurul Iana Sabri & Azlina Mohd Khir (2020) yang mengkaji cabaran usahawan ibu tunggal di Perak mendapati bahawa faktor luaran meliputi bantuan dan sokongan serta khidmat nasihat tentang perniagaan dan pemasaran yang diceburi daripada pelbagai agensi kerajaan, seperti Jabatan Pembangunan Wanita merupakan faktor penting keupayaan dan kemampuan golongan wanita dalam perniagaan dan penjajaan mereka tersebut.

Tidak ketinggalan juga, faktor masalah mendapatkan kredit daripada pembekal dan masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta dan kerajaan juga menjadi cabaran dan rintangan kepada penjaja kecil wanita dalam perniagaan. Hal ini kerana tanpa keupayaan mendapatkan kredit dan pinjaman mudah memulakan semula perniagaan menyebabkan kesukaran kepada penjaja kecil wanita untuk meneruskan survival perniagaan mereka dalam era pandemik ini. Menurut Khairil Anwar Mohd Amin (2021); Zaleha Embong & Fairuz A' dilah Rusdi (2021) mendapati bahawa pihak berkuasa perlu membantu penjaja kecil wanita kerana kemampuan mereka berada pada tahap kritikal dengan modal pusingan perniagaan yang terhad, juga akses kredit yang rendah kerana hampir 60.2 peratus permohonan kredit dan pinjaman oleh peniaga kecil wanita ditolak oleh pihak bank tempatan. Di samping itu, mereka juga tidak mendapat tempat sewajarnya menerusi bantuan pakej plan pemulihan ekonomi kerajaan seperti Prihatin, Penjana, Pemerkasa dan Permai. Hal ini kerana bank turut memberikan alasan seperti peniaga kecil tiada aliran tunai kukuh, skor kredit tidak memuaskan, pendapatan tidak mencukupi, dan ketiadaan jaminan kredit meyakinkan untuk menerima permohonan mereka. Oleh yang demikian, isu-isu ini sebenarnya telah memberikan cabaran dan rintangan yang besar kepada penjaja kecil wanita untuk meneruskan perniagaan mereka semasa pandemik ini.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini signifikan untuk difahami oleh perancangan dasar ekonomi kerana sumbangan penjaja kecil wanita merupakan golongan yang banyak terlibat dalam bidang penjajaan kecil di Perlis dan di seluruh Malaysia, amnya. Mereka merupakan 20.6 peratus atau 186,855 usahawan yang berdaftar dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada keseluruhan 907,065 usahawan kecil yang ada di negara ini (Sri Ayu, 2020). Berdasarkan Dimensi Penglibatan Wanita Dalam Perniagaan Penjajaan

Kecil di Perlis, kajian mendapati bahawa penglibatan wanita sebagai penjaja kecil dipengaruhi oleh faktor sokongan keluarga yang menjadikan mereka begitu terinspirasi untuk memulakan peniagaan tersebut. Mereka juga berkeinginan tinggi untuk mendapatkan sedikit kesenangan hidup serta membebaskan diri daripada kemiskinan yang dilalui mereka selama ini.

Di samping itu, berdasarkan Dimensi Rintangan Di Dalam Perniagaan Yang Dihadapi menunjukkan bahawa golongan penjaja kecil wanita amat terkesan kerana mereka menyedari bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang penggunaan gajet dan teknologi digital untuk membantu mereka memasarkan barangan jualan dalam era pandemik ini. Mereka juga menghadapi masalah dalam mendapatkan khidmat nasihat yang bersesuaian tentang perniagaan dan pemasaran yang sepatutnya dijalankan dalam era norma baharu ini. Tambahan pula, faktor kekangan modal kewangan serta halangan mendapatkan pinjaman atau kredit mudah ternyata membelenggu mereka untuk meneruskan lagi perniagaan penjajaan kecil ini selanjutnya kerana masalah aliran modal yang sangat terhad.

Justeru itu, sokongan dan bantuan yang bersesuaian perlulah menjadi keutamaan kerajaan menerusi pelbagai agensi seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan dan pelbagai agensi seperti MARA serta Tekun Nasional bagi memastikan penjaja kecil wanita berupaya menghadapi *survival* ekonomi kecil dalam era yang penuh dugaan ini. Mereka memerlukan pertolongan yang sewajarnya bagi memastikan tekad mereka untuk menyara keluarga dan membebaskan diri dari belenggu kemiskinan menjadi kejayaan.

Dapatan kajian ini telah dapat mengenalpasti cabaran penjaja kecil wanita dalam era pandemik Covid 19 di negeri Perlis sahaja dan tidak boleh dijadikan generalisasi terhadap cabaran sama yang dihadapi oleh penjaja kecil wanita di negeri lain. Responden kajian ini juga terhad terhadap golongan penjaja kecil wanita yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) sahaja dan tidak mencakupi golongan penjaja kecil yang tidak berdaftar. Oleh yang demikian, kajian yang lebih terperinci boleh dilakukan untuk mengukur kebolehdaya saing golongan penjaja kecil wanita secara berkala samaada di bandar ataupun di luar bandar, golongan penjaja kecil yang tidak berdaftar ataupun di negeri lain pula dalam era endermik bagi memastikan maklumat yang tepat diperolehi tentang isu pemerkasaan wanita dalam perniagaan di negara ini dapat difahami dengan sewajarnya.

RUJUKAN

- Abdul Reezal Abdul Latif (2020, Julai 3) Teknologi digital mantapkan strategi niaga pasca COVID-19. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/706799/teknologidigital-mantapkan-strategi-niaga-pasca-covid-19>.
- Basken, P. (2007, August 10). Nonprofit lenders, while helping students, help themselves. *The Chronicle of Higher Education*. <https://www.chronicle.com/article/Nonprofit-Lenders-While/25004>
- Ahmad Nawaz (2018). Challenges Faced by Women Entrepreneurs in Pakistan: A Qualitative Study. *Management and Organizational Studies* 2330-5495.
- Azmi, A. M., Nik Hairi, O., & Lee, K. Y. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan/Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar, Lee Kuan Yee. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 34-45.
- Blanco, H., LeBrasseur, R. and Nagarajan, K. V. (1996). *Successful Women Entrepreneurs in Northeastern Ontario, In Changing Lives: Women in Northern Ontario, Margaret Kechnie and Marge Reitsma-Street. Eds.* Toronto: Dundum Press. Vol. 9(11): pp. 174- 185.
- Cabaran usahawan untuk kekal relevan (2021, Mei 31). *My Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/05/712066/cabaran-usahawan-untuk-kekal-relevan>.
- Cardella, G. M., Hernández-Sánchez, B. R., & Sánchez García, J. C. (2020). Entrepreneurship and family role: a systematic review of a growing research. *Frontiers in psychology*, 10, 2939.
- Cesaroni, F. M., Demartini, P. & Paoloni, P. (2017). Women in Business and Social Media: Implication for Female Entrepreneurship In Emerging Countries. *African Journal of Business Management*, 11(14), 316–326.
- Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim & Husna Ahmad Dimyati (2019). Analisis Pola Penyertaan Digital ICT dan Transformasi Keusahawanan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2).
- Faridah Mariani Johari, 2000, Profil, Trait Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan Dalam Pembentukan Aspirasi Peniagaanita Di Negeri Terengganu, *Projek Sarjana, UTM*.
- Faris Fuad (2021, Ogos 25) Kedai Makan Di Arah Tutup Jika Gagal Patuhi SOP. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/0808/855761/kedai-makan-arah-tutup-jika-gagal-patuh-sop>.
- Kader, R. A., Mohamad, M. R. B., & Ibrahim, A. A. H. C. (2009). Success factors for small rural entrepreneurs under the one-district-one-industry programme in Malaysia. *Contemporary Management Research*, 5(2).
- Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC). (2020, Ogos 24). *MEDAC sedia inisiatif bantu usahawan ke arah digitalisasi* (Siaran Media). Dimuat turun daripada <https://www.medac.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF>.
- Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC). (2021, Mac 7). *PKS perlu persiap diri guna teknologi digital* (Siaran Media). Dimuat turun daripada <https://www.medac.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF>.
- Khairil Anwar Mohd Amin (2021, Jun 28). *Sinar Harian Online*. 60 peratus peniaga kecil gagal mendapat pinjaman. <https://www.sinarharian.com.my/BERITA/Nasional/60-peratus-peniaga-kecil-gagal-mohon-pinjaman>.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- McKay, R. (2001). Women entrepreneurs: moving beyond family and flexibility. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*.
- Mills, G. E., & Gay, L. R. (2019). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Pearson. One Lake Street, Upper Saddle River, New Jersey 07458.

- Muhamad Amirul Rifqi Mohd Hamdan & Mohammad Mujaheed Hassan (2018). Faktor Penglibatan dan Cabaran Wanita Melayu dalam bidang Keusahawanan di Malaysia, Tun *Fatimah Hashim Women Lead Conference 2018*, Palm Garden Hotel, Putrajaya, Nov.2018: TFHWLC.
- Nadia Farhana Hamzah & Norasmah Othman (2020). Kemahiran Keusahawanan Dan Kemahiran Kendiri Usahawan Luar Bandar. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(4), 24-35.
- Norsidah Ahmad, Norudin Mansor, Zaiton Ahmad & Siti Haryati Shaikh Ali (2004). Faktor-faktor memotivasikan wanita untuk menjadi usahawan: satu kajian terhadap usahawan wanita di Dungun. *Research Project UiTM*.
- Nor Hanim Awang @ Mohd Noor, Norfatihah Othman, Nor Hayati Sa'at & Roslina Ismail (2021). Dorongan Kelangsungan Usahawan Wanita dalam Perusahaan Batik dan Songket. *Jurnal Pengurusan*, 61, 69-81.
- Nozina Yahaya (2021, Mac 7). Fokus kebajikan, kesejahteraan rakyat. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/127260/BERITA-Nasio-nal/Fokus-kebajikan-kesejahteraan-rakyat>.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob (2021). Faktor Kepada Kejayaan Usahawan Wanita Dalam Perusahaan Kecil Dan Sederhana di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3(3), 1-11. Di akses daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpn/article/view/16074>.
- Nur Aqilah Mohd Rasidi, Nurul Fatihah Ismail, Putri Humira Yap Abu Bakar Yap, Mohamad Izzuan Mohd Ishar (2021). Cabaran Perkhidmatan Penghantaran Makanan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(5), 1-11.
- Nur Azlina Abd Ghani, Siti Masnah Saringat, & Ros Hasri Ahmad (2008). Usahawan wanita: Penglibatan serta cabaran dalam dunia perniagaan. *Jurnal Akademik UiTM Johor*, 8, 75-93.
- Nurulhayah, M. & Muhammad Hafizuddin. I. (2016). Faktor Yang Mendorong Kejayaan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Mara Di Daerah Melaka Tengah. *Journal of Business Innovation*, 1(2), 31.
- Nurul Liana Sabri & Azlina Mohd Khir (2020). Cabaran dan Faktor Kejayaan Usahawan Ibu Tunggal di Negeri Perak. *Malaysian Journal of Human Ecology (MJHE)*. 1 (3) 2020, 25-42.
- Rasidi, N. A. M., Ismail, N. F., Yap, P. H. Y. A. B., & Ishar, M. I. M. (2021). Cabaran Perkhidmatan Penghantaran Makanan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(5), 1-11.
- Saifuzzaman Ibrahim (2020, Oktober 24). Cabaran PKS berdepan Pandemik. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis//cabaran-pks-berdepan-pandemik>.
- Sharifah Faigah Syed Alwi, Mohd Kamal Azam Jusoh dan Mazlina Hj. Suhaimi (2005). Wanita Sebagai Ahli Perniagaan: Cabaran dan Penyelesaian Menurut Islam, dibentangkan di *Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sieh, L. M. (1998). *Strategies to Reach the Top for Women in Management: Perspectives from ASEAN* (Working Paper for Sectoral Activities Program, Geneva). International Labour Office. <https://ideas.repec.org/p/ilo/ilowps/993261813402676.html>
- Sri Ayu Kartika Amri (2020, Mei 26) 92.1% Usahawan susah. *Harian Metro Online*. Dapatan kembali daripada <https://www.hmetro.com.my/pks/2020/05/582540/921-usahawan-susah>.
- Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi (2021). Faktor Pendorong dan Kejayaan Usahawan Wanita di Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 77-87.